



---

**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 26/1976**

**Permohonan Untuk Pendaftaran Dan Pengeluaran Hakmilik  
Sementara Sambungan Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965  
(Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 26/1976
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 26/1976**

**Permohonan Untuk Pendaftaran Dan Pengeluaran Hakmilik Sementara Sambungan  
Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan menasihat Pentadbir Tanah mengenai perlunya pemohon yang telah diluluskan mengemukakan permohonan untuk pendaftaran dan pengeluaran suratan hakmilik sementara.

2. Subseksyen 183(1), seksyen 184 dan subseksyen 185(1) Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan bahawa pemohon yang telah diluluskan untuk pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan bolehlah memohon secara bertulis untuk pendaftaran hakmilik sementara, iaitu, ia perlulah mengemukakan permohonan secara bertulis untuk membolehkan Pentadbir Tanah menyedia dan mendaftar dokumen atau dokumen-dokumen hakmilik sementara yang akan memberi kepadaanya hak-hak sebagai pemilik berdaftar sesebidang tanah. Permohonan ini hendaklah disertakan dengan wang bayaran yang dikenakan. Oleh kerana rupa bentuk borang permohonan belum lagi ditetapkan oleh undang-undang, maka borang seperti di **Lampiran 'A'** hendaklah digunakan. Borang ini hendaklah difaillkan di dalam fail yang berkenaan. Pemilik berdaftar dinasihatkan untuk menyampaikan Borang tersebut bersama-sama surat kelulusan berdasarkan subseksyen-subseksyen 138(4), 143(4) dan 149(4).
3. Walau bagaimanapun, seksyen 183A, 184A dan 185A memberi kuasa pada Pendaftar atau Pentadbir Tanah untuk menggunakan budi bicara bagi menyediakan, mendaftarkan dan mengeluarkan hakmilik tetap berkaitan dengan umpukan pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah.
4. Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 5/67 adalah dengan ini ditarik balik.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

**Pengeluaran Untuk Pendaftaran dan Pengeluaran  
Hakmilik (Hakmilik-hakmilik) Sementara Di Bawah  
Kanun Tanah Negara**

Saya/Kami pemilik berdaftar tanah yang tersebut dalam jadual di bawah dengan ini memohon di bawah subseksyen \*183(1)/184/185(1) Kanun Tanah Negara 1965 supaya ..... dokument (dokumen-dokumen) hakmilik sementara didaftarkan bagi plot-plot yang ditunjukkan dalam pelan yang dikembarkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki bersama-sama ini saya kemukakan bayaran (bayaran-bayaran) yang ditetapkan berjumlah RM .....

Tarikh: .....  
.....  
Tandatangan Pemohon

**\* JADUAL**

(untuk permohonan di bawah subseksyen 183(1)/seksyen 184/subseksyen 185(1))

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot	Jenis & No. Hakmilik	No. Fail Pejabat Tanah	Bayaran- bayaran dan No. Resit	Rujukan Kaveat Pemegang Lien

\* Potong yang mana tidak berkenaan.